



## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU AM PEJABAT GRED N1 DI KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Pemohon- pemohon adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Kementerian Dalam Negeri seperti berikut:

1. (a) JAWATAN : **PEMBANTU AM PEJABAT GRED N1**
- (b) JABATAN : KEMENTERIAN DALAM NEGERI
- (c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : KUMPULAN SOKONGAN
- (d) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
2. GRED/JADUAL GAJI : GRED N1  
Jadual Gaji Minimum - Maksimum  
: RM733.54 - RM 2,197.86
3. (a) ELAUN-ELAUN :
  - i) Imbuan Tetap Khidmat - RM 95.00
  - ii) Imbuan Tetap perumahan - RM180.00
  - iii) Bantuan Sara Hidup - RM 300.00
- (b) KEMUDAHAN :
  - i) Cuti Rehat (20 hari setahun)
  - ii) Faedah Rawatan Perubatan (diri/isteri, anak-anak dan ibu bapa)
  - iii) Pinjaman Perumahan
  - iv) Pinjaman Komputer
  - v) Pinjaman Kenderaan dan
  - vi) Faedah persaraan

4. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- a) Terdiri daripada Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c)
    - i) Berpelajaran di peringkat Sekolah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
    - ii) Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
- DESKRIPSI TUGAS : Bertanggungjawab dalam mengedar surat kepada pegawai-pegawai, membuat tugas fotostat, menyusun, menjilid dokumen-dokumen yang difotostat, mengangkat barang-barang/ alat-alat bekalan daripada stor dan sebagainya serta mengemas dan menyusun atur bilik mesyuarat/bilik gerakan sebelum dan selepas mesyuarat serta dari semasa ke semasa.
5. TARAF JAWATAN : Tetap
6. TEMPOH PERCUBAAN : 1 hingga 3 Tahun
7. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN : Pembantu Am Pejabat Gred N1 adalah layak disahkan Perkhidmatan apabila telah :-
- i) Memenuhi tempoh percubaan
  - ii) Hadir dengan jayanya Kursus Induksi ; dan
  - iii) Diperakukan oleh Ketua Jabatan
8. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Am Pejabat tertakluk kepada syarat – syarat skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan – pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.
9. Jumlah Kekosongan : 18
10. Tempat kekosongan : 2 - Putrajaya , 2- Negeri Sembilan, 2- Johor, 2- Perak, 1- Sarawak, 2-Pulau Pinang, 1 -Pahang, 1 -Sabah, 4- Selangor , 1- Kuala Lumpur

11. (a) Cara Memohon

Permohonan hendaklah menggunakan **Borang KDN 1/2013** yang boleh didapati di Laman web kementerian [www.moha.gov.my](http://www.moha.gov.my) atau dialamat berikut:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Kementerian Dalam Negeri,  
Aras 3, Blok D1, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62546 PUTRAJAYA.**

(b) Perhatian kepada pemohon :-

- (i) Semua maklumat yang diisi dalam borang hendaklah ditulis dengan jelas dan terang dengan menggunakan **HURUF BESAR.**
- (ii) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, salinan surat beranak, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan.
- (iii) Calon-calon yang terdiri daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah Mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17- Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Pekhidmatan) 2005 dan pastikan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini dan Laporan Prestasi Tahunan yang terkini dilampirkan.
- (iv) Borang Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat

**Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Kementerian Dalam Negeri,  
Aras 3, Blok D1, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62546 PUTRAJAYA.**

- (v) Sila tuliskan nama jawatan yang dipohon dan tarikh tutup permohonan di sudut kiri sebelah atas sampul surat dengan jelas dan terang.

12. Permohonan yang berikut akan DI TOLAK :

- (a) Tidak menggunakan Borang KDN 1/2013;
- (b) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
- (c) Tidak Lengkap atau tidak terang;
- (d) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- (e) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat ; dan
- (f) Tidak ditandatangani.

13. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : **PADA ATAU SEBELUM 28 OGOS 2013**

## **CATATAN AM**

- i. Hanya calon-calon yang memenuhi asas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga.
- ii. Jika tidak menerima sebarang jawapan dari Kementerian dalam tempoh 6 bulan maka permohonan tuan/puan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- iii. Sebarang tuntutan perbelanjaan kerana menghadiri temuduga kelak tidak akan ditanggung oleh Kementerian ini atau kerajaan.